

**Majlis Tertinggi SPDP Dijangka Turut Bincang Isu Keluar Parti Ahad Ini
Bernama
13 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) Ahad ini dijangka turut membincangkan isu mengenai empat pemimpinya keluar parti dan menubuhkan kelab Barisan Nasional (BN).

Timbalan Setiausaha Agungnya, Paul Igai berkata mesyuarat itu yang dijadual membincangkan tarikh mesyuarat agung tahunannya bulan depan akan turut membincangkan isu berkenaan jika ia dibangkitkan ahli.

"Pada ketika ini, ia tiada dalam agenda tetapi seperti biasanya setiap ahli boleh menimbulkan sebarang isu dalam mesyuarat," katanya apabila dihubungi Bernama.

Sumber dalaman parti memberitahu bahawa isu berkenaan mungkin ditimbulkan berikutan perkembangan mutakhir dan pelbagai kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli politik termasuk dari komponen BN di Sarawak sejak beberapa hari lalu.

Ia terutamanya berhubung kerusi yang diperuntukkan oleh BN kepada SPDP di mana presiden parti Tan Sri William Mawan secara terbuka bahawa wakil rakyat dari SPDP yang meletak jawatan atau dipecat tidak boleh "menculik" kerusi parti itu.

Mawan dilaporkan telah memberi amaran bahawa pihak tersebut tidak boleh mempertahankan kerusi mereka sebagai calon BN kerana kerusi tersebut milik SPDP dan hukan hak mereka secara individu.

"Walaupun keempat-empatnya telah keluar parti, kerusi yang diperuntukkan kepada SPDP kekal bersama SPDP," beliau dilapor sebagai berkata.

Empat individu tersebut ialah Anggota Parlimen Mas Gading, Datuk Dr Tiki Lafe, Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Tasik Biru, Datuk Peter Nansian, Adun Bekenu, Rosey Yunus dan Adun Batu Danau, Paulus Palu Gumbang.

Mereka adalah antara lima pemimpin SPDP yang dikatakan tidak bersetuju dengan Mawan sejak Januari 2010.

Sebelum ini, naib presiden kanan parti Datuk Sylvester Entri telah dipecat daripada parti pada November tahun lalu.

Kalangan pemerhati politik berpendapat langkah empat pemimpin berkenaan menubuhkan Kelab BN telah meletakkan contoh kepada sesiapa yang tidak bersetuju dengan kepimpinan SPDP bahawa mereka boleh keluar parti dan menyertai platform berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639972>